

04/04/2001

Agensi penarafan antarabangsa kerap beri gambaran salah

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi menyatakan kesalnya dengan agensi penarafan antarabangsa yang kerap memberi gambaran salah mengenai keadaan sebenar ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, penarafan yang dilakukan terhadap Malaysia sering kali silap walaupun mereka mendakwa arif mengenai keadaan ekonomi dunia.

"Majalah serta agensi penarafan mendakwa mereka arif mengenai keadaan ekonomi dunia tetapi mengenai Malaysia mereka sering silap.

"Mereka sejak awal berulang kali mengatakan Malaysia tidak akan mencatatkan pertumbuhan, sentiasa tidak stabil, bahawa orang Melayu akan menipu orang Cina, merompak orang Cina dan jika berlaku masalah kecil sekalipun, kita tidak akan pulih," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian di lobi Parlimen selepas membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai laporan media asing yang memetik agensi penarafan antarabangsa sebagai berkata ekonomi Malaysia lebih rendah berbanding Indonesia.

Perdana Menteri menyifatkan kebanyakan agensi penarafan antarabangsa itu sebagai 'bodoh'.

"Ini kerana semua ramalan mengenai Malaysia adalah salah dan mereka yang membaca ramalan agensi berkenaan hanya menipu diri sendiri," katanya.

Ketika kemuncak krisis ekonomi serantau pada 1997/98, Malaysia adalah antara sasaran agensi penarafan asing yang kerap membuat penarafan negatif terutama terhadap sektor perbankan dan kewangan tempatan, yang membantu memburukkan lagi keadaan ekonomi apabila ramalan mereka turut mempengaruhi pasaran saham.

Dr Mahathir berkata, di sebalik kekerapan penarafan negatif yang dilakukan terhadap Malaysia, negara ini berjaya membuktikan ramalan mereka salah.

Sementara itu ketika ditanya mengenai sasaran 30 peratus ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat seperti digariskan dalam RRJP3 sebagai sasaran untuk dicapai pada 2010, beliau berkata, ia boleh dicapai jika Bumiputera sendiri bekerjasama.

Bagaimanapun, sasaran itu tidak akan tercapai sampai bila-bila jika saham yang diberikan kepada Bumiputera dijual balik.

"Oleh itu Bumiputera haruslah bekerjasama (dalam mencapai sasaran) dan bukan Bumiputera harus berkongsi dengan Bumiputera," katanya.

Dalam RRJP3, sasaran pencapaian ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat masih 30 peratus setelah usaha dalam RRJP2 hanya menunjukkan pencapaian sebanyak 19.1 peratus.

Ditanya sama ada pengagihan saham patut dikaji semula, Dr Mahathir berkata pengagihannya sudah dikaji semula sebelum ini berikutan individu yang diberi saham menjual semula kepentingan mereka.

Oleh itu, katanya, kerajaan menubuhkan Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan hasilnya, kegiatan menjual balik kepentingan Bumiputera mula berkurangan.

Perdana Menteri berkata, walaupun individu masih diberikan saham, ia terhad kepada kakitangan syarikat atau syarikat yang mempunyai sinergi.

"Tetapi kali ini penjualan balik saham yang berlaku adalah disebabkan oleh kegawatan ekonomi dengan banyak syarikat Bumiputera menghadapi masalah dan mereka tidak boleh disalahkan," katanya.

Mengenai sama ada sasaran pertumbuhan 7.5 peratus di bawah RRJP3 boleh

dicapai, beliau berkata, Malaysia boleh mencapai sasaran itu jika ekonomi dunia pulih.

Sebagai negara perdagangan, Malaysia tidak boleh berkembang jika pasaran dunia tidak memberangsangkan.

Bagaimanapun, beliau yakin negara boleh mengulangi kadar pertumbuhan ekonomi yang baik seperti sebelumnya. Jika tidak disebabkan krisis kewangan 1997/1998, Malaysia memperoleh pertumbuhan lebih tinggi daripada yang dijangka.

Mengenai RRJP3, Dr Mahathir berkata, kerajaan menggariskan rancangan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dan membantu rakyat sepanjang tempoh 10 tahun akan datang.

Katanya, kerajaan sudah membuktikan bahawa rancangan yang dirumus 10 tahun lalu ke arah mencapai status sebuah negara maju sudah berjaya.

"Jika tidak kerana kemelesetan ekonomi, Malaysia sudah pasti mencapai kadar pertumbuhan yang jauh lebih tinggi," katanya.

Mengenai penubuhan sebuah amanah saham negara, Dr Mahathir berkata, ia mungkin lanjutan daripada PNB.

(END)